

KEBUDAYAAN ISLAM

Perhubungan Kepulauan Melayu dengan Afrika Selatan

Kedatangan Islam di Afrika Selatan, adalah berbalik sejarahnya kepada kurun Masihi yang ketujuh belas, tatkala sekumpulan tawanan perang dari Tanah Jawa telah dibawa ke sana oleh orang Belanda. Setelah itu beberapa kumpulan lagi dibawa ke situ dari beberapa daerah Kepulauan Melayu dan juga dari Pulau Mauritius.

Semenjak itu perkahwinan campuran telah berlaku di antara mereka sehingga akhirnya menjadi suatu masyarakat yang sekarang disebut “Cape Malay” (“Melayu Cape” atau “Melayu Afrika Selatan”)

Kumpulan orang-orang Islam yang pertama sekali menjejak kakinya di Afrika Selatan dipimpin oleh seorang guru agama, bernama Khurdī ‘Abd al-Salām, beliaulah perintis jalan dalam kemasukan dan perkembangan Islam di daerah itu.

Syeikh Yusuf Banten¹

Beberapa tahun kemudiannya, pada tahun 1693, di antara tawanan perang yang telah dibawa dari Kepulauan Melayu, terdapat seorang pahlawan Islam yang terkenal bernama Syeikh Yusuf. Dizahirkan di Makassar dari suatu keluarga yang kaya dan mendapat pelajaran yang tinggi pada zamannya.

Dari masa kecil lagi sudah kelihatan bakatnya sebagai seorang yang berjiwa Islam dan bercita-cita hendak berjuang untuk Islam dan umat Islam.

Dalam usianya 20 tahun, setelah naik haji ke Mekah pada tahun 1646, ia telah berpindah dari

Makassar ke Banten daerah kecil yang terletak di Pantai Pulau Jawa. Di sini ia telah berpeluang berdamping dan bersahabat dengan “Sultan Agung” yang tua, dan akhirnya berkahwin dengan salah seorang puterinya yang menimbulkan pengaruhnya dalam usahanya menyebarkan Islam dalam kalangan rakyat jelata Banten.

Dalam zamannya, Islam telah berkembang di seluruh Pulau Jawa. Kejayaannya yang cemerlang dalam penyebaran Islam telah meletakkan dia sebagai seorang pemimpin yang berpengaruh dan dihormati ramai.

Pada masa itu Sultan Agung tua, turun dari takhta dan kerajaan diserahkan kepada puteranya yang tua. Belanda pula pada ketika sedang bermaharajalela dan bercita-cita hendak menjadikan Hindia Timur (Indonesia) tanah jajahannya. Sultan yang muda itu telah ditewaskan. Tetapi ia tidak patah hati daripada berjuang terus setelah

¹ Dalam Qalam dieja sebagai Bantem

mendapat bantuan daripada Inggeris. Kesudahannya, setelah Inggeris berundur dan tidak memberi bantuan lagi maka Sultan Agung yang muda itu terpaksa menyerah kepada Belanda.

Syeikh Yusuf Berjuang Terus

Syeikh Yusuf dan putera-putera Sultan Agung telah berjuang terus dengan cara perang gerila. Dalam peperangan itu Syeikh Yusuf, akhirnya telah ditawan juga di benteng Betawi lalu dipindahkan ke Ceylon dan dari situ dihantar pula ke Cape – Afrika Selatan.

Demikianlah, pada tahun 1694, dengan rombongannya dan dua isterinya telah tiba di Cape Town. Di sini ia telah ditemui oleh Gabenor “Adriaan Van Der Stel”, lalu diasingkan di kebun-kebun Zander Field.

Orang yang berjiwa besar seperti Syeikh Yusuf ini, barang di mana sahaja ia berada, sentiasalah ia beroleh kehormatan dari masyarakatnya. Dalam masa ia tinggal di Afrika Selatan, Syeikh Yusuf tidak berhenti-henti daripada mengajar dan mengembangkan Islam, dan oleh kerana usianya telah tua dan badannya sudah uzur maka tugas yang suci itu telah diserahkan kepada empat orang murid-muridnya yang pilihan, untuk dilanjutkan terus-menerus.

“Mekah Afrika Selatan”

Pada tahun 1699, setelah genap usianya 78 tahun, Syeikh Yusuf, pahlawan Islam yang terkemuka itu telah meninggal dunia. Walaupun dia telah kecewa dalam pertempuran dengan penjajah tetapi ia berjaya dalam mengembangkan Islam dan kebudayaannya, baik di Kepulauan Melayu – tanah airnya, mahupun di Afrika Selatan – tempat pembuangannya ia sentiasa berkeyakinan penuh bahawa Islam dapat dikembangkan walau di mana sahaja – hatta di hujung dunia sekalipun.

Umat Islam di Afrika Selatan sentiasa mengingati dan makamnya sentiasa menjadi tumpuan ramai dan digelar “Mekah Afrika Selatan” kerana mengingati jasanya yang cemerlang.

Sejarah perkembangan Islam di Afrika Selatan tidak melupai Khudrī ‘Abd al-Salām dan Syeikh Yusuf pembina Islam itu. Kalau Khudrī ‘Abd al-Salām telah membina dasarnya maka Syeikh Yusuf pula telah mendirikan bangunannya. Sementara murid-murid Syeikh Yusuf dan lain-lain penyebar Islam yang menurut jejak mereka telah mengambil bahagian yang bukan kecil dalam memperkuat bangunan ini.

Usaha mereka dalam penyebaran Islam di Afrika Selatan, telah dilanjutkan oleh penyebar-penyebar Islam yang datang dari Semenanjung Arab, di antaranya Sidi Sa‘īd (keturunan Nabi Muḥammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam*) yang telah bertungkus-lumus menyebarkan Islam di kalangan kaum hamba abdi di sana bagi mengingati jasanya maka makamnya sentiasa menjadi tumpuan ramai hingga sekarang ini.

Islam ditindas oleh Pemerintah

Semenjak kurun yang ke delapan belas, Islam telah menderita rintangan-rintangan dari berbagai-bagai agama. Orang-orang Islam sentiasa disekat-sekat ketika hendak berkumpul menjalankan ibadat dan dihalang-halang pula ketika hendak mendirikan masjid. (Rupanya di Afrika Selatan, bukan sahaja warna kulit bahkan agama juga menjadi landasan untuk sesuatu pemerintah yang bermaharajalela, menekan dan menindas golongan-golongan yang tidak digemarinya

(- P.)

Umat Islam Afrika Selatan

Dewasa ini di Afrika Selatan, ada lebih daripada seratus ribu umat Islam, dan kira-kira separuh di antara mereka tinggal di “Cape”.

Dalam permulaan kurun yang kesembilan belas, orang-orang Islam di sana hanya berjumlah lima ribu orang. Tetapi semenjak itu mulai jumlahnya berkembang dengan kedatangan orang Islam dari India, dari pemeluk-pemeluk Islam yang baharu dan dari perkembangan keturunan.

Perkembangan umat Islam di Afrika Selatan ini menyebabkan penyebar-penyebar agama Kristian resah gelisah dan tidak bersenang hati, kerana mereka memandang Islam membahayakan kedudukan agama Kristian di situ. Mereka pun membuka sekolah-sekolah paderi untuk memancing anak-anak Islam, tetapi usaha mereka itu gagal.

Kongres Islam

Dalam tahun 1932, umat Islam di Afrika Selatan telah berjaya mengadakan kongres dan mengambil keputusan hendak mendirikan sebuah kolej Islam.

Semenjak itu timbul cita-cita dan usaha hendak memberi pelajaran bahasa Arab di sekolah tinggi “*curricular*” dan lain-lain universiti.

Di seluruh Afrika Selatan ada kira-kira 50 buah masjid, dan masjid besar yang pertama didirikan ialah pada tahun 1850.

Pelajaran dan Pendidikan Islam

Benar, pada masa ini terdapat kritik-kritik tentang kaedah dan peraturan mengajar agama Islam. Lazimnya murid-murid

diajar membaca Qur‘ān dengan tidak diajar maknanya, selain daripada hukum-hukum Islam secara permulaan.

Almarhum Maulana Abdul Aleem Siddiqi

Semasa hayatnya dahulu Almarhum Maulana Abdul Aleem Siddiqi telah melawat Afrika Selatan dan telah menyaksikan sendiri cara pengajaran Islam dijalankan di sana. Tentang ini Maulana telah memberikan fikiran, ujarnya:

“Setelah saya melihat sepintas lalu akan madrasah-madrasah saudara-saudara dan sukatan pelajarannya, saya mendapat kesimpulan bahawa saudara-saudara tidak mewujudkan kekuatan pendidikan agama, dan saudara-saudara tidak mewujudkan nilai-nilainya...

“Demikian juga dalam lapangan keduniaan, saudara-saudara telah ketinggalan jauh di belakang dari lain-lain masyarakat. Hal ini seyogianya saudara-saudara memperbaikinya”.

Penulis rencana ini, Tuan A. Adam (Muslim Afrika Selatan), dalam majalah “*The Muslim The Ages*”, berkata:

Barang siapa mempelajari Pendidikan Islam di Afrika Selatan akan bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Maulana Abdul Aleem itu. Cara-cara pendidikan kita, meminta perubahan. Dan hanya dengan itu kita akan melihat kemajuan-kemajuan yang dapat diusahakan oleh madrasah-madrasah kita.

Masanya telah tiba untuk mendirikan lembaga pendidikan orang-orang Islam, yang mengatur dan meninggikan darjat pendidikan Islam di negeri ini.

(sambungan di muka 46)

Dari Sebulan ke Sebulan

(sambungan dari muka 8)

Ditulis dahulu sudah terang – tidak payah diulang.

Kalau tidak percaya baca naskhah-naskhah lama Qalam.

* * *

Apabila menulis mengenai pilihan raya yang hampir masanya maka perkara-perkara yang dapat diperhatikan ramai mereka-mereka yang mau kemuka sebagai pemimpin satu-satu parti ataupun atas nama parti itu sendiri mereka sekarang semuanya menjadi orang baik, mengunjungi orang-orang daerah-daerah yang bakal diminta memilih mereka. Mereka berbuat dan berkelakuan seakan-akan orang-orang yang sedia memberi khidmat dan kebajikan kepada kaum – giginya dilembutkannya daripada lidahnya supaya ia kelak dapat dipilih oleh daerah-daerah itu. Perbuatan ini patut dihakimkan oleh mereka (rakyat) sendiri yang mengetahui apakah yang di dapat mereka tatkala memilih orang-orang itu yang tidak mengendahkan langsung keadaan umat apabila mereka terpilih sahaja. Lembut mereka seperti kata pepatah jika tidak berada-ada masakan tempua bersarang rendah!

Kebudayaan Islam

(sambungan dari muka 10)

Saat yang bersempena baik dan sangat-sangat besar ertinya dalam sejarah Islam di Afrika Selatan, ialah saat kedatangan Maulana Abdul Aleem Siddiqi pada kali yang akhir. Beliau telah meninggalkan kesan dan semangat yang akan menjadi punca ilham bagi masyarakat Islam di Afrika Selatan untuk beberapa lama.

Kunjungan beliau membuka mata umat Islam. Dengan galakan beliau banyak pertubuhan-pertubuhan Islam di sini telah berusaha membuat perubahan-perubahan yang membina.

Pendidikan Islam di Afrika Selatan sekarang tidak begitu dicengkam bahaya seperti dahulu. Pemeluk-pemeluk Islam di sini makin bertambah jumlahnya pada tiap-tiap tahun.

Kemajuan-kemajuan yang telah dicapai itu tidak bermakna kita sudah berpuas hati dengannya, kita mestilah berusaha lebih cergas lagi dalam lapangan penyiaran Islam dan perkembangan kebudayaannya.

Afrika Selatan akan tetap menjadi daerah yang tidak terbatas kepada kemajuan Islam, dan kerana itu tiap-tiap seorang Islam berkewajipan menjadi duta Islam barang di mana ia berada.

Siapakah di antara sahabat Ansar yang utama?

Jawabnya ialah

Sa'ad ibn Mu'adh

Bangsawan kabilah Aus yang utama yang banyak jasanya kepada Islam: Perjuangannya, hidupnya dan matinya semata-mata kerana Allah.

“Kematian Sa'ad ibn Mu'adh adalah satu kehilangan yang sangat besar bagi kaum Muslimin” – kata Umm al-Mu'minin 'A'ishah.

Perjuangannya? Baca sejarahnya dalam buku ini.

Sejarah syuhada Islam 5.

Senaskhah hanya 50 sen pos
10 sen.